

Tebing terhakis dibaik pulih

KUALA KUBU BHARU - Kerja-kerja pembaikan tebing Sungai Kerling yang terhakis di Jalan Batu 2, Kerling di sini sedang dilaksanakan.

Pegawai Yang Menjaga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Selangor, Halim Masri berkata, kontraktor dilantik telah memulakan kerja sejak tiga hari lalu dan dijangka selesai awal minggu depan.

"Kita sudah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja membaiki tebing tersebut dan kerja telah bermula.

"InsyaAllah segalanya akan siap awal minggu depan," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Beliau berkata, JPS menggunakan kaedah pengukuhan tebing dengan meletakkan batu sangkar (gabien) di kawasan terhakis.

Katanya, penggunaan batu sangkar dilihat sangat praktikal dan dapat mengelak air sungai daripada terus menghakis tebing.

Penggunaan batu sangkar dilihat sangat praktikal dan dapat mengelak air sungai daripada terus menghakis tebing.

- Halim

"Setakat ini, kaedah pemasangan gabien sangat praktikal di Hulu Selangor dan berkesan dalam mengawal hakisan di kawasan kritikal.

"Struktur tebing kita baiki dan kawasan yang perlu ditambah akan ditambah dan ditanam dengan rumput," katanya.

Khamis lalu, tebing Sungai Kerling di Jalan Batu 2 terhakis sehingga menyebabkan gangguan bekalan air ke perkampungan Orang Asli Kuala Kerling apabila paip



utama yang tertanam di laluan berselekoh itu terputus.

Kedaaan itu turut mengundang kebingungan penduduk sekiranya hakisan berterusan akan menyebabkan jalan terputus dua.

Halim berkata, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) mengambil tindakan segera dengan mengalihkan jajaran paip dan menyambungkan semula paip berkenaan.